



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG


1. (a) Jawatan : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19  
(b) Taraf Jawatan : *CONTRACT FOR SERVICE (CFS)*  
(c) Kementerian / Jabatan : PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
  
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : RM 2,067.00 / sebulan
  
3. Syarat Lantikan Wajib : (a) Warganegara Malaysia;  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau  
(d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) termasuk Lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  
4. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).
  
5. Kemudahan : (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat;  
(b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO;
  
6. Cara Memohon : (a) Pemohon hendaklah memastikan semua salinan dokumen diakui sah dan menghantar dokumen – dokumen dibawah **MENGIKUT SUSUNAN** berikut:
  - i. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
  - ii. Salinan Kad Pengenalan;
  - iii. Salinan Sijil Kelahiran;
  - iv. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
  - v. Salinan STPM / STAM / SPM / PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - vi. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
  - vii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil daripada JPA / MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
  - viii. Lain-lain dokumen sokongan.

(b) Ke alamat:

Unit Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia),  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II,  
Blok 3547, Persiaran APEC,  
63000 Cyberjaya,  
SELANGOR

- (c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (f) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

7. Tarikh Tutup Permohonan : 24 November 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang

  
(NURUL AINI BINTI SURIP)  
Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 10 November 2023

